


13 MEI 1969: APA PENGAJARANYA?

PENGENALAN

Peristiwa berdarah yang berlaku pada 13 Mei 1969 itu tidak boleh dilupakan begitu saja sebaliknya wajar dijadikan iktibar oleh seluruh rakyat Malaysia terutamanya generasi hari ini.

Ironinya generasi yang lahir selepas merdeka atau golongan pasca merdeka hanya mampu membaca tentang peristiwa penting ini dalam buku sejarah di sekolah atau mendengar melalui penceritaan dari generasi lama. Ini menyebabkan generasi ini tidak dapat menghayati sepenuhnya kejadian tersebut dan juga tidak dapat memahami punca dan akibatnya.



Walaupun sudah lebih 50 tahun insiden berdarah ini berlaku, banyak sebenarnya pengajaran dan iktibar yang boleh diambil oleh generasi yang ada pada hari ini. Antara iktibar yang paling penting ialah amalan politik perkauman yang sempit sangat tidak berbaloi jika dibandingkan dengan kepentingan perpaduan antara kaum.



TRAGEDI 13 MEI SEBAGAI PENGAJARAN

Tragedi 13 Mei menjadi manifestasi penting untuk kita sedar betapa tindakan para pemimpin politik yang mengapi-apikan provokasi politik perkauman cukup berbahaya untuk masyarakat majmuk negara ini. Apa yang dirisaukan ialah amalan ini sebenarnya masih berlarutan sehingga kini. Masih ada segelintir pemimpin politik yang mengamalkan politik perkauman sekali gus sentiasa mencetuskan perbalahan dalam kalangan masyarakat.

Bagi kelompok ini cita-cita peribadi dilihat sentiasa mengatasi kepentingan rakyat dan negara. Jadi jika kita mahu terus maju ke hadapan sebagai sebuah negara yang bersatu padu, ambil iktibar dengan peristiwa 13 Mei dan hentikanlah amalan politik perkauman yang jelas mengancam perpaduan rakyat dan keselamatan negara.



PERPADUAN KAUM TIADA GALANG GANTI


Tragedi berdarah ini juga mengingatkan semua pihak bahawa perpaduan dalam kalangan rakyat tiada galang gantinya. Konflik perkauman ibarat pepatah "yang kalah jadi abu, yang menang jadi arang", tiada siapa yang menang dalam perbalahan kaum.



Sebagai sebuah masyarakat majmuk, kita harus terus berpaut pada jambatan perpaduan yang diwariskan oleh generasi terdahulu. Kegagalan menghayati kepentingan perpaduan boleh menyebabkan tragedi sama berulang.

HORMATI PERLEMBAGAAN DAN ELAK ISU SENSITIF

Anggota masyarakat juga harus sedar agar tidak menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menjejaskan keharmonian negara. Antara isu yang sering menimbulkan ketegangan ialah mempertikaikan hak keistimewaan orang Melayu, kedudukan agama Islam, Bahasa Melayu dan Raja-raja Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Perkara-perkara ini telah dipersetujui oleh para pengasas negara, maka adalah tidak wajar untuk dipersoalkan sesuka hati. Jika terus dipertikai, ia hanya akan mencetuskan perbalahan antara kaum.



PERTAHANKAN KONTRAK SOSIAL

Kontrak sosial yang dipersetujui oleh generasi terdahulu telah menjadi asas penting kepada kemerdekaan negara. Persefahaman, penerimaan, pengorbanan dan tolak ansur antara kaum merupakan tunjang kepada kejayaan pembentukan negara Malaysia.



Maka, menjadi tanggungjawab kita sebagai generasi pewaris untuk mempertahankan kontrak sosial ini. Janganlah kita sia-siakan jasa, usaha dan pengorbanan tokoh-tokoh kemerdekaan seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock dan Tun V.T. Sambanthan.

MERDEKA TIDAK BERMAKNA KEKAL MERDEKA

Setelah melalui detik berdarah 13 Mei 1969, rakyat dan negara bangkit semula membina masa depan yang lebih baik. Kini, Malaysia telah mencapai banyak kejayaan di peringkat antarabangsa. Namun, kita tidak boleh leka. Kebebasan dan kemerdekaan bukan sesuatu yang kekal jika tidak dijaga.



Jika kita lalai, negara ini boleh mundur atau kembali dijajah dalam sekelip mata. Justeru, kita perlu terus memelihara keharmonian dan bersatu padu untuk mempertahankan kemerdekaan.

TANGGUNGJAWAB MENJAGA PERPADUAN DAN KEDAULATAN

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun dan bercita-cita menjadi negara maju, peristiwa seperti penjajahan selama lebih 400 tahun serta tragedi 13 Mei perlu dijadikan sempadan dan iktibar. Setiap rakyat bertanggungjawab mempertahankan kemerdekaan serta jambatan perpaduan yang telah dibina dengan mematuhi Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Jika rakyat gagal berpegang pada prinsip ini, tidak mustahil sejarah hitam akan berulang. Marilah kita bersama-sama berdoa dan berusaha agar negara ini sentiasa aman dan dijauhi dari segala ancaman, sama ada dari dalam mahupun luar.

NUMBER

<https://malaysiagazette.com/2020/05/13/ambil-iktibar-peristiwa-13-mei/>



TERIMA KASIH